Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

PERANAN HUKUM KANUN PAHANG (HKP) DALAM MEMBENTUK STRUKTUR SOSIAL MASYARAKAT MELAYU

THE ROLE OF HUKUM KANUN PAHANG (HKP) IN STRUCTURING MALAY SOCIAL ORGANIZATION

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin[1]*
Mohd Anuar Ramli [2]
Muhammad Yusri Yusof @ Salleh[3]
Paiz Hassan[4]
Muhd Imran Abd Razak[5]
Ariyanti Mustapha[6]
Annuar Ramadhon Kasa[7]

[1] Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Malaysia (E-mail : mohdz560@uitm.edu.my)
[2] Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. (E-mail: mohdanuar@um.edu.my)
[3] Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Malaysia (E-mail : yusri613@uitm.edu.my)
[4] Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Malaysia (E-mail : paiz4186@uitm.edu.my)
[5] Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Malaysia (E-mail : imranrazak@uitm.edu.my)
[6] Jabatan Fiqh-usul Dan Sains Gunaan. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. (E-mail : ariyanti@um.edu.my)
[7] Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.. (E-mail : 17162036@siswa.um.edu.my)
*Corresponding author: mohdz560@uitm.edu.my

Article history
Received date : 10-9-2026
Revised date : 11-9-2026
Accepted date : 17-10-2026
Published date : 25-10-2026

To cite this document:
Zainal Abidin, M. Z. H., Ramli, M. A., Yusof @ Salleh, M. Y., Hassan, P., Abd Razak, M. I., Mustapha, A., & Kasa, A. R. (2026). Peranan Hukum Kanun Pahang (HKP) dalam membentuk struktur sosial masyarakat Melayu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED),* 11 (87), 1242-1265.

Abstrak*: Hukum Kanun Pahang (HKP) merupakan salah satu teks perundangan Melayu tradisional yang memainkan peranan penting dalam mengatur sistem pemerintahan, hubungan sosial serta kehidupan masyarakat dalam Kesultanan Pahang. Undang-undang ini bukan sahaja berfungsi sebagai panduan pentadbiran dan keadilan, malah turut mencerminkan nilai-nilai sosial, adat serta pengaruh syariah Islam yang membentuk struktur sosial masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan HKP dalam membentuk struktur sosial masyarakat Melayu dengan meneliti aspek hierarki sosial, peranan pemerintah, hubungan antara golongan masyarakat serta nilai moral yang terkandung dalam teks tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

analisis dokumen terhadap manuskrip dan teks HKP serta sumber-sumber sekunder yang berkaitan dengan sejarah perundangan Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa HKP berperanan sebagai mekanisme penting dalam mengekalkan kestabilan sosial melalui penetapan kedudukan pemerintah, pembahagian tanggungjawab sosial serta pengawalan tingkah laku masyarakat berdasarkan prinsip adat dan syariah. Selain itu, undang-undang ini turut memperlihatkan integrasi antara adat Melayu dan prinsip Islam yang membentuk identiti serta sistem sosial masyarakat Melayu tradisional. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa HKP bukan sekadar dokumen perundangan, tetapi juga merupakan sumber penting dalam memahami pembentukan struktur sosial, nilai budaya serta sistem kehidupan masyarakat Melayu dalam sejarah perkembangan tamadun Melayu.

Kata Kunci: *Adat dan syariah, Hukum Kanun Pahang, masyarakat Melayu, perundangan Melayu, struktur sosial*

Abstract: *Hukum Kanun Pahang (HKP) is one of the traditional Malay legal texts that contribute a significant role in regulating the system of governance, social relations and the daily life of society within the Pahang Sultanate. This body of law not only functioned as a guide for administration and justice but also reflected the social values, customs (adat) and the influence of Islamic Sharia that shaped the social structure of the Malay community during that period. Therefore, this study aims to analyse the role of HKP in shaping the social structure of the Malay society by examining aspects such as social hierarchy, the role of rulers, relationships among different social groups and the moral values embedded within the text. This study employs a qualitative approach through document analysis of HKP manuscripts and texts, as well as relevant secondary sources related to the history of Malay legal systems. The findings reveal that HKP functioned as an important mechanism in maintaining social stability through the establishment of the ruler's position, the distribution of social responsibilities and the regulation of societal behaviour based on the principles of adat and Sharia. In addition, this legal code demonstrates the integration between Malay customs and Islamic principles which shaped the identity and social system of traditional Malay society. Overall, this study shows that HKP is not merely a legal document but also serves as an important source for understanding the formation of social structures, cultural values and the way of life of the Malay community in the historical development of Malay civilisation.*

Keywords: *adat and Sharia, Hukum Kanun Pahang, Malay society, Malay legal system, social structure*

Pendahuluan

Kedatangan Islam ke Nusantara telah memberikan satu implikasi yang sangat besar terhadap pelbagai aspek kehidupan antaranya kepercayaan, sosiobudaya, kesenian dan pendidikan. Di Malaysia atau dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu, kedatangan Islam dikatakan bermula sejak abad ke 9 M lagi iaitu di negeri Kedah. Antara negeri terawal yang menerima Islam ialah negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu negeri Pahang (11 M), Kelantan (12 M) dan Terengganu (13 M). Kemasukan Islam ke negeri-negeri wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia diperkuatkan dengan penemuan beberapa bukti berbentuk artifak. Kemasukan Islam ke negeri Pahang adalah berdasarkan penemuan batu nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang bertarikh 419 Hijrah (1028 M) (Ab. Jalil , 2014 ; Amin, 2015).

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

Antara kesan Islamisasi di Malaysia ialah lahirnya sistem tulisan yang khusus bagi masyarakat Melayu iaitu tulisan jawi. Dengan adanya tulisan jawi, maka masyarakat Melayu telah dapat menghasilkan penulisan dalam pelbagai bentuk antaranya penghasilan karya-karya agama, surat menyurat dan sistem perundangan bertulis sebagai panduan dalam melaksanakan pemerintahan (Siti Nurul Izza, 2021 ; Shakila, 2018). Penghasilan manuskrip atau naskhah bertulis mengenai perundangan dalam sesebuah negeri menunjukkan negeri-negeri Melayu telah melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran yang bersistematik. Penulisan ini berhubung hal ehwal pengurusan dan pemerintahan negeri di semua peringkat sama ada pihak yang memerintah atau diperintah. Dalam hal ini, terdapat peruntukan serta klausa yang sangat jelas berkaitan urus tadbir serta bentuk hukuman yang perlu dilaksanakan sekiranya pelanggaran undang-undang berlaku dalam kalangan anggota masyarakat. Pengaruh Islam juga dapat dilihat dalam peruntukan-peruntukan tertentu dalam pelaksanaan undang-undang disamping undang-undang adat yang dikekalkan sejak turun temurun. Aspek ini menunjukkan kecemerlangan dan kegemilangan tamadun Melayu yang dapat membentuk satu sistem pemerintahan yang tersusun secara bertulis bagi rujukan dan panduan dalam bernegara. Antara manuskrip yang pernah dihasilkan dalam kategori perundangan ialah Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang 99 Perak, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Johor serta Hukum Kanun dan Tafahus Negeri Kelantan.

Dalam tradisi pemerintahan kesultanan Melayu, aspek perundangan bukan hanya bertujuan untuk menentukan bentuk hukuman terhadap kesalahan malahan turut berperanan sebagai mekanisme pengawalan sosial. Undang-undang tersebut menetapkan peranan dan tanggungjawab setiap lapisan masyarakat termasuk kedudukan raja, pembesar dan rakyat biasa. Struktur hierarki ini menunjukkan bahawa sistem perundangan Melayu tradisional berkait rapat dengan organisasi sosial masyarakat (Salihahs, 2016). Teks undang-undang Melayu seperti HKM memberikan gambaran yang jelas mengenai struktur pentadbiran dan hubungan sosial dalam masyarakat Melayu tradisional melalui peraturan yang mengawal tingkah laku individu dan masyarakat.

Selain itu, perkembangan undang-undang Melayu turut dipengaruhi oleh kedatangan Islam ke Alam Melayu yang membawa prinsip-prinsip syariah ke dalam sistem perundangan tempatan. Integrasi antara adat Melayu dan prinsip syariah merupakan ciri utama dalam pembentukan sistem perundangan Melayu tradisional (Muhammad Nazirul, 2025). Dalam konteks ini, peruntukan undang-undang memperlihatkan usaha untuk menggabungkan nilai adat dengan prinsip keadilan Islam dalam mengatur kehidupan masyarakat. Hal ini dapat dilihat melalui peraturan yang berkaitan dengan jenayah, kekeluargaan serta tanggungjawab sosial yang bertujuan untuk mengekalkan kestabilan dan keharmonian masyarakat (Nur Mohd Iqzuan, 2025).

Oleh yang demikian, kajian terhadap HKP penting bagi memahami pelaksanaan sistem perundangan Melayu tradisional yang berfungsi sebagai instrumen pentadbiran dan penguatkuasaan hukum serta mekanisme yang membentuk struktur sosial masyarakat Melayu. Analisa terhadap kandungan undang-undang tersebut mendapati bahawa aspek sosial, hubungan kuasa dan nilai budaya masyarakat Melayu tradisional dapat dikenal pasti serta dibentuk dan dikekalkan melalui sistem perundangan. Walaupun HKP merupakan salah satu teks perundangan penting dalam sejarah perundangan Melayu, kajian akademik yang memberi tumpuan khusus kepada peranannya dalam membentuk struktur sosial masyarakat Melayu masih agak terhad. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek sejarah perkembangan undang-undang Melayu atau analisis kandungan teks undang-undang secara

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

umum tanpa meneliti secara mendalam implikasi sosial yang terkandung dalam peruntukan undang-undang tersebut.

Selain itu, terdapat kecenderungan dalam kajian sejarah perundangan untuk melihat teks undang-undang Melayu tradisional hanya sebagai dokumen pentadbiran atau sistem hukuman semata-mata. Hakikatnya, undang-undang tersebut juga berperanan sebagai mekanisme yang mengatur hubungan sosial antara pemerintah, pembesar dan rakyat. Tanpa penelitian terhadap aspek sosial ini, pemahaman terhadap fungsi sebenar sistem perundangan Melayu tradisional menjadi tidak menyeluruh. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti secara lebih komprehensif peranan HKP dalam membentuk struktur sosial masyarakat Melayu. Kajian ini penting bagi memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang pelaksanaan undang-undang Melayu tradisional yang berfungsi untuk mengawal tingkah laku masyarakat serta membentuk organisasi sosial, nilai budaya serta hubungan kuasa dalam masyarakat Melayu tradisional.

Sorotan Penulisan

Perbincangan mengenai sistem perundangan Melayu tradisional sering dikaitkan dengan peranan teks undang-undang sebagai asas kepada pembentukan struktur sosial masyarakat. Dalam konteks ini, HKP merupakan antara dokumen penting yang mencerminkan hubungan antara undang-undang, budaya dan organisasi sosial masyarakat Melayu. Sistem perundangan Melayu tradisional bukan sahaja berkaitan dengan sistem hukuman, namun sebagai manifestasi struktur sosial dan nilai budaya masyarakat Melayu. Menurut Suhadan (2017), ianya berkaitan dengan struktur sosial merangkumi institusi raja dan rakyat, perilaku masyarakat, ekonomi dan sebagainya berdasarkan pengaruh Islam yang membentuk peraturan dalam masyarakat Melayu. Zakaria et al. (2012) pula menyatakan sistem perundangan Melayu tradisional juga memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti masyarakat Melayu Islam. Hal ini memandangkan Islam telah membentuk satu nilai dan jati diri bagi masyarakat Melayu dalam melaksanakan kehidupan dalam pelbagai lapangan. Budaya dan adat yang diwarisi telah diharmonikan sepenuhnya agar tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Hukum Kanun Pahang (HKP) telah ditulis semasa pemerintahan sultan Pahang ke-12 iaitu Sultan Abdul Ghafar Muhaiyiddin Syah (1592-1614). HKP merupakan panduan dalam pelaksanaan aspek-aspek yang berkaitan dengan perundangan yang dipengaruhi oleh unsur-unsur Islam dalam pembentukan hukum yang masih bercampur dengan adat resam masyarakat Melayu. Naskhah ini menunjukkan pentadbiran negeri Pahang telah berlangsung dengan bersistematik kerana mempunyai panduan dalam pelaksanaan sistem perundangan (Rohayu, 2013). HKP juga dikatakan naskhah perundangan atau hukum kanun tertua selepas daripada Hukum Kanun Melaka (HKM) yang memperlihatkan berlaku penambahan berkaitan nilai-nilai Islamisasi. Sultan Abdul Ghafar Muhaiyiddin Syah (1592-1614) telah memperkemaskan lagi perundangan yang sedia ada serta melakukan penambahan terhadap perundangan baru berdasarkan keperluan setempat. Baginda telah menambah elemen-elemen Islam yang berkaitan syariah dan mengurangkan elemen-elemen adat sebagaimana yang terkandung dalam HKM sebagai asas perundangan negeri Pahang sebelum itu. Jenis perundangan yang terkandung dalam HKP ialah kedudukan sultan, undang-undang jenayah, undang-undang sivil, undang-undang acara dan keterangan, undang-undang keagamaan, undang-undang antarabangsa, undang-undang percukaian, undang-undang laut dan juga perdagangan. Penghasilan HKP melibatkan para ilmuan agama yang pakar dalam fiqh serta individu yang terlibat dengan pentadbiran negeri Pahang. Manuskrip ini adalah antara sumber yang penting dalam meneliti perkembangan perundangan Islam di alam Melayu khususnya di Tanah Melayu (Abdul Halim & Asma, 2019). Terdapat pandangan yang mengatakan naskhah ini bertepatan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

dengan pandangan fiqh Syafie kerana kandungannya berasaskan terjemahan daripada kitab-kitab fiqh mazhab tersebut. Semua undang-undang ini adalah bercorak keislaman sama ada dari sudut sumber ataupun perincian (Badli Shah, 2024).

HKP merupakan salah satu teks perundangan Melayu tradisional yang penting dalam sejarah perkembangan sistem pemerintahan dan kehidupan masyarakat di Alam Melayu. Undang-undang ini dipercayai berkembang dan berfungsi sebagai panduan dalam mengatur pelbagai aspek kehidupan masyarakat termasuk pentadbiran, hubungan sosial, jenayah serta urusan ekonomi di Pahang (Ahmad Farid et al., 2022). HKP merupakan legasi daripada Hukum Kanun Melaka (HKM) yang masih mengekalkan prinsip dan perundangan syariah dalam kedaulatan serta adat Melayu dalam sistem politik tradisional (Wan Ahmad Fauzi, 2023). Menurut Nazri et al. (2024), undang-undang Melayu tradisional seperti HKM dan HKP bukan sahaja berfungsi sebagai sistem perundangan tetapi juga mencerminkan struktur sosial, nilai budaya serta hubungan kuasa dalam masyarakat Melayu.

HKP merupakan teks undang-undang yang telah menjadi rujukan utama dalam sistem pentadbiran di negeri Pahang satu ketika dahulu. Hal ini menunjukkan bahawa sistem perundangan di negeri-negeri Melayu telah disusun secara bersistematik dan didokumentasikan sebagai rujukan dalam hal ehwal perundangan yang dikuatkuasakan. Kajian oleh Wan Ahmad Fauzi (2023) telah meneliti HKP sebagai satu sistem perundangan yang mempunyai ciri-ciri perlembagaan moden. Penulisan ini menegaskan bahawa sistem perundangan Melayu telah wujud secara tersusun sebelum kedatangan British dan menafikan pandangan bahawa konsep perlembagaan hanya diperkenalkan oleh Barat. Selain itu, HKP didapati memenuhi ciri utama perlembagaan moden termasuk sistem undang-undang, struktur pentadbiran, pengagihan kuasa dan hubungan dengan rakyat. Pembahagian peranan seperti raja, bendahara dan temenggung membuktikan kewujudan sistem pentadbiran yang tersusun dan tidak bersifat mutlak. Kajian ini menunjukkan bahawa tradisi perundangan Melayu telah lama mengamalkan prinsip raja berperlembagaan dan keadilan sosial berasaskan Islam yang membuktikan keaslian sistem perlembagaan dalam sejarah Tanah Melayu.

Kajian oleh Nazri et al. (2024) telah menunjukkan bahawa HKP merupakan sistem perundangan penting dalam institusi Kesultanan Melayu Pahang. HKP ini memberi kesan berterusan terhadap struktur sosial masyarakat. Perundangan Islam yang menjadi asas dalam naskhah ini bukan sahaja mencerminkan tahap ketamadunan Melayu malahan menekankan kepentingan pemeliharaan warisan budaya, keadilan sosial dan kestabilan masyarakat. Selain itu, HKP turut dilihat berpotensi untuk menjadi rujukan dalam pembangunan kerangka perundangan di peringkat serantau dan global. Ahmad Farid et al. (2022) dalam kajiannya telah menganalisis pandangan sarjana kolonial British terhadap manuskrip HKP melalui kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sarjana kolonial seperti William Marsden, Stamford Raffles, Winstedt dan Wilkinson gagal menilai secara menyeluruh unsur Islam dalam manuskrip tersebut. Mereka lebih cenderung memberikan gambaran negatif terhadap undang-undang Islam bagi menyokong dan memperkukuhkan pengenalan serta amalan sistem perundangan British di Tanah Melayu. Walaubagaimanapun, kajian ini membuktikan bahawa pengamalan Islam dalam masyarakat Melayu Pahang bersifat syumul dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan termasuk pentadbiran, sosial dan perundangan.

Kajian oleh Iqzuan et al. (2025) telah mendapati bahawa perkembangan peranan pembesar di Pahang merentasi tiga fasa utama iaitu zaman prakolonial, kolonial dan pascakolonial. Kajian ini telah menggunakan pendekatan pensejarahan perundangan (historico-legal). Kajian ini

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

mendapati bahawa perubahan peranan pembesar tidak berlaku drastik atau dipengaruhi faktor sosio-politik namun didorong oleh naskhah perundangan yang bersistematik seperti Hukum Kanun Pahang, Perjanjian 1887, Perjanjian 1888 dan Persetiaan Persekutuan 1895. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengenalan Sistem Residen British telah menghakis kuasa pembesar melalui mekanisme perundangan termasuk pengasingan agama dan adat daripada pentadbiran negeri yang menjejaskan bidang kuasa ekonomi, kehakiman dan eksekutif. Walau bagaimanapun, institusi pembesar tidak dimansuhkan sebaliknya mengalami penyesuaian fungsi dalam struktur kolonial dan terus memainkan peranan dalam aspek adat. Kajian ini turut menegaskan bahawa institusi pembesar masih mempunyai potensi strategik dalam konteks tadbir urus moden apabila dianalisis melalui kerangka pensejarahan dan perundangan Islam.

Abdul Halim & Asma Hakimah (2019) telah menjelaskan berkaitan kepentingan HKP terhadap sistem pentadbiran negeri Pahang merangkumi kedudukan HKP dalam pentadbiran kesultanan Melayu serta menolak pandangan sarjana Barat yang mempertikaikan kanun ini yang tiada nilai dari sudut ilmiah. HKP terbukti sebagai kanun yang memperkasakan perundangan syariah dalam pembentukan masyarakat dan merupakan rujukan perundangan yang diiktiraf dalam membangunkan kepentingan dan keharmonian masyarakat. Selain itu, Mohamad Hafifi et al. (2019) menjelaskan bahawa undang-undang Melayu tradisional memperlihatkan penerapan prinsip-prinsip syariah dalam aspek kehidupan sosial seperti kekeluargaan, jenayah dan muamalat. Hal ini menunjukkan bahawa undang-undang tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai alat kawalan sosial tetapi juga sebagai mekanisme untuk memastikan pematuhan terhadap nilai-nilai Islam dalam masyarakat.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa undang-undang Melayu tradisional terutamanya HKP memainkan peranan penting dalam membentuk struktur sosial masyarakat Melayu melalui gabungan antara adat dan syariah. Walau bagaimanapun, kajian khusus terhadap HKP dalam konteks pembentukan struktur sosial masih terhad. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara mendalam peranan undang-undang tersebut dalam membentuk organisasi sosial masyarakat Melayu.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen sebagai kaedah utama pengumpulan data. Pendekatan ini sesuai digunakan kerana kajian memberi tumpuan kepada analisis teks undang-undang tradisional serta sumber-sumber sejarah berkaitan sistem perundangan Melayu. Data utama kajian diperoleh daripada teks HKP yang mengandungi pelbagai peruntukan berkaitan pentadbiran, jenayah, hubungan sosial dan tanggungjawab masyarakat. Selain itu, kajian ini turut menggunakan sumber sekunder seperti buku akademik, artikel jurnal dan kajian terdahulu yang berkaitan dengan sistem perundangan Melayu tradisional. Analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan dengan meneliti peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan struktur sosial masyarakat Melayu. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat mengenal pasti bagaimana undang-undang tersebut mengatur kedudukan sosial, hubungan kuasa serta tanggungjawab setiap golongan dalam masyarakat Melayu tradisional.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

Dapatan Kajian

HKP sebagai asas pengorganisasian masyarakat

HKP bukan hanya sebagai teks yang membincangkan tentang aspek hukuman malah sebagai dokumen yang menginstitusikan susunan masyarakat Melayu tradisional. Kajian yang telah dilaksanakan mendapati naskhah ini disadur kandungannya dari HKM yang merangkumi pelbagai prospek seperti pemerintahan dan pentadbiran sultan, undang-undang jenayah dan sivil, undang-undang acara dan keterangan, undang-undang agama, undang-undang laut dan undang-undang percukaian. Ini menunjukkan bahawa HKP berfungsi sebagai kerangka menyeluruh bagi mengatur kehidupan negeri dan masyarakat. Pembentukan struktur sosial masyarakat Melayu di Pahang berlaku melalui proses secara beransur-ansur iaitu daripada adat pemerintahan kepada perincian syariah dan seterusnya kepada pengurusan masyarakat yang lebih luas. Contohnya ialah keterangan pada fasa pertama HKP iaitu:

> "…suatu risalah pada menyatakan hukum qanun pada negeri yang besar-besar sekalian dan pada segala raja-raja dan adat yang tertakluk kepada ia dan disusun supaya manfaat atas negeri dan raja-raja akan memeliharakan segala rakyat…"

> "…Syahadan maka dijadikannya pula antara segala makhluk itu raja seperti firmannya Yang Maha Tinggi bahawasanya aku hendak menjadikan dalam bumi gantiku khalifah, raja pada menyelenggarakan ehwal pada segala hambanya ialah mengawal dia. Jikalau tiada raja-raja nescaya tiada bertentu ehwal segala rakyat maka jadi mereka itu seperti kambing…"

> "…demikianlah *amr bil makruf wa nahyu anil munkar* maka hamba melakukan hukum Allah hendak akan kebajikan segala rakyat. Maka barangsiapa melalui firman Allah Taala dan sabda Rasulullah SAW atau menolak atau melebih atau berbuat munkar sebesar dosanya hendaklah dihukumkan yang layak didera dan yang layak didenda dan yang layak dibunuh…'

Fasal adat dan pemerintahan membentuk hierarki sosial

Struktur sosial masyarakat Melayu telah dibina atas asas hierarki kuasa. Dalam bahagian mukadimah dan huraian pentadbiran, raja ditempatkan sebagai punca kuasa tertinggi manakala bendahara, temenggung, penghulu bendahari, shahbandar, hulubalang dan menteri berfungsi sebagai pelaksana pemerintahan. Dengan itu, HKP dilihat mengesahkan kedudukan sultan dan menyusun lapisan elit pentadbiran yang menjadi perantara antara istana dan rakyat. Daripada sudut hierarki dalam sosiologi, fasal-fasal ini membentuk masyarakat Melayu merangkumi golongan pemerintah dan yang diperintah. Ketaatan kepada raja bukan hanya sebagai norma politik tetapi menjadi sebahagian daripada etika sosial. HKP telah memperincikan larangan terhadap perbuatan tidak hormat kepada sultan dan mengaitkan kedudukan raja dengan konsep daulat serta derhaka. Oleh itu, struktur sosial yang lahir daripada HKP adalah struktur yang menempatkan kesetiaan, adab istana dan kepatuhan kepada pemerintah sebagai prinsip utama ketertiban masyarakat. HKP menerangkan:

> "…Dan pertama raja itu harus menjadikan bendahara, kedua temenggong, ketiga penghulu bendahari, keempat shahbandar maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala rakyatnya…"

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

> "…Demikian lagi adat segala segala rakyat akan perintah martabat kemuliaan segala raja-raja supaya jangan kena murka…"

HKP telah berfungsi sebagai asas pembentukan hierarki sosial yang jelas dan tersusun. Peruntukan yang berkaitan dengan adat dan pemerintahan memperlihatkan kedudukan raja sebagai pemegang kuasa tertinggi diikuti oleh golongan pembesar seperti bendahara, temenggung dan hulubalang manakala rakyat pula berada pada lapisan bawah struktur sosial. Struktur ini bukan sahaja mencerminkan organisasi politik tetapi juga membentuk norma sosial yang menekankan konsep ketaatan dan kesetiaan kepada pemerintah.

Fasal jenayah membentuk kawalan sosial dan pengekalan ketertiban

Fasa-fasa berkaitan kesalahan jenayah dalam HKP sangat penting dalam pembentukan struktur sosial kerana undang-undang jenayah berfungsi mengawal tingkah laku dalam kalangan masyarakat awam. Peruntukan mengenai jenayah pembunuhan, kecurian, rompakan, pencerobohan, zina, rogol, perjudian dan rasuah menunjukkan bahawa masyarakat perlu akur dan mematuhi setiap bentuk hukuman yang dikuatkuasakan secara menyeluruh. Kesannya, bentuk-bentuk hukuman yang telah dilaksananakan akan menyebabkan masyarakat menghormati dan takut terhadap hukuman, menghormati hak orang lain dan mengekalkan keamanan. Contohnya HKP menerangkan:

> "Adapun jika membunuh madu maka lari pada kampung orang lain maka perikutnya masuk ke dalam kampung itu maka berkelahilah ia dengan empunya kampung itu mati yang empunya kampung itu maka tiadalah lagi kena hukum pada adat negeri itu tetapi hukum Allah membunuh itu dibunuh hukumnya…"

> "…peri menyatakan hukum orang mencuri harta orang maka hukumnya dipotong tangan orang yang mencuri itu dengan beberapa janji…bermula dipotong tangannya kanan daripada pergelangan tangannya jika lagi mencuri pangkal kakinya kiri dan jika lagi ia mencuri dipotong tangan kirinya jika lagi ia mencuri ditakzirkan ia hukumnya…"

> "…peri menyatakan hukum zina iaitu dua perkara pertama zina muhsan. Muhsan namanya laki-laki atau perempuan yang sudah bersuami dengan nikah. Kedua zina yang tiada muhsan iaitu laki-laki atau perempuan yang belum merasai nikah. Bermula yang muhsan itu hukumnya direjam maka syaratnya dilontar dengan batu dan ditanamkan hingga pinggang dan pada suatu riwayat hingga leher sabda Rasulullah SAW tiada masuk syurga amah berzina. Bermula yang tiada muhsan itu hukumnya dipalu seratus, maka dibuangkan daripada negeri itu setahun lamanya…"

> "…Bermula saksi pada zina itu hendak ada ia empat orang laki-laki yang adil…"

> "…Adapun jikalau yang masuki itu jika terbunuh ia oleh *hurr* menyilih sebelah harganya, jikalau sehingga luka jua abdi itu tiada memberi diyat, jikalau *hurr* sama *hurr* jikalau mati diqisaskan…"

> "…peri menyatakan hukum orang yang minum arak atau tuak atau segala yang memabukkan hukumnya empat puluh dipalu jika merdahika…"

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

Fasa berkaitan undang-undang jenayah dalam HKP telah memperlihatkan bahawa ketertiban sosial dalam masyarakat Melayu tradisional bukan hanya dipertahankan melalui adat tetapi juga melalui prinsip keadilan berasaskan Islam. Kajian tentang manuskrip HKP mendapati bahawa amalan Islam dalam masyarakat Pahang pada masa lalu bersifat menyeluruh iaitu meliputi pentadbiran, kekeluargaan, jenayah, muamalah dan politik. Justeru itu, selain hukuman yang dikenakan bagi setiap kesalahan undang-undang jenayah dalam HKP, ia juga telah memberikan impak dalam membina masyarakat yang berasaskan disiplin, akhlak dan membentuk tanggungjawab sosial. Fasal jenayah dalam HKP juga memainkan peranan penting sebagai mekanisme kawalan sosial. Peruntukan berkaitan kesalahan seperti pembunuhan, kecurian dan zina memperlihatkan usaha untuk mengawal tingkah laku masyarakat melalui hukuman yang tegas. Ini secara tidak langsung membentuk masyarakat yang berdisiplin dan patuh kepada norma yang ditetapkan.

Fasal muamalat dan perdagangan dalam pembentukan tanggungjawab masyarakat

HKP membincangkan fasal muamalat dan perdagangan yang menunjukkan bahawa struktur sosial masyarakat Melayu juga mengutamakan kegiatan bersifat ekonomi. Contohnya, terdapat peraturan berkaitan jual beli, hutang, sewa, gadaian, upah, cukai dan perdagangan. Masyarakat perlu mematuhinya dengan penuh tanggungjawab, amanah dan keadilan. Hal ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional mengutamakan hubungan sosial dalam membentuk masyarakat yang harmoni berteraskan ajaran Islam. Perkara ini juga menunjukkan kewujudan pembahagian fungsi sosial yang jelas dalam masyarakat. Contohnya HKP menerangkan:

> "…peri menyatakan hukum segala orang yang sewakan tanah. Apabila diberinya orang laki-laki tanah pada seorang, disuruhnya berhuma, janjinya sesuku daripada tanah itu diperhumainya akan upahnya, tiada harus. Jika disewakannya dengan emas atau perak atau makanan ditentukannya, harus …"

> "…Adapun segala hukum gadai (dusun) itu ada dua perkara pertama harus gadai itu seperti seseorang bergadai dusun atau kampung yang ada tanamannya maka tiada berbuah, kepada yang memegang gadai itu selamanya maka iaitu dapat digadaikan oleh yang empunya emas itu…Adapun dusun yang berbuah itu maka oleh seseorang duduknya ia maka dimakannya buahnya dan dijualnya maka datang tuannya itupun dapat didakwa oleh tuannya…"

> "…pada menyatakan hukum segala orang yang berhutang dan bergadai. Adapun gadai itu atasnya dua perkara, suatu gadai berbunga kedua gadai sahaja tiada bunga. Adapun gadai berbunga itu jika berapa lamanya sekalipun hingga gadai jua dan demikian lagi segala hutang berbunga dan segala yang mengambil ayem ke laut. Adapun gadai yang tiada berbunga itu jika datang had kepadanya maka hendaklah memberitahu yang empunya gadai itu menyuruh tebus gadaian itu, jika ia tidak tertebus masa kira-kira kepada emas itu diambilnya, barang yang lebih dipulangkan kepada tuannya…"

> "…peri menyatakan hukum berjual ta'dapat tiada daripada yang menjualkan itu katanya "ku jual engkau" kata yang membeli "ku terimalah jual". Tiada syarat redha yang dijualkan ke atasnya bahawa harus hutang yang thabit itu atasnya sepertinya lepas yang menjualkan…"

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

Selain itu, HKP juga mengandungi perincian mengenai cukai maritim, hak dan tanggungjawab pedagang, barang dagangan, unit timbangan serta kadar cukai tertentu. Ini menunjukkan bahawa kewujudan peranan sosial yang khusus seperti pedagang, penyewa kargo, pemungut cukai dan shahbandar. Hal tersebut telah berupaya membentuk masyarakat yang tersusun menurut fungsi ekonomi. Fasal-fasal perdagangan telah menyumbang kepada pembentukan satu struktur sosial yang bukan sahaja berhierarki, tetapi juga berasaskan pengkhususan peranan dalam kegiatan ekonomi. Contohnya HKP menerangkan:

> "…Dan jika orang mendapat sampan hanyut jika jauh hanyut itu maka ada dalam sampan itu arta kemudian dipinta oleh tuannya maka dibahagi sepertiga akan yang mendapat itu sesuku dan tebusnya pun diberi. Adapun jika di dapat itu di laut ada arta dalamnya maka hukumnya sepertiga sesuku akan tuannya dua suku yang mendapat itu…"

> "…dan jika nakhoda itu mencuri dengan shahbandar hukumnya dirampas atau didendanya sepuluh tahil sepaha melainkan empunya orang besar akan juga nakhoda itu. Adapun jika melarikan buku-buku atau cukai jika ia datang kemudian ke negeri itu dirampas hukumnya, jika tiada denda hukumnya kerana ia menidakkan negeri orang melainkan empunya dan kurnia raja juga kerana biadap pada negeri orang itu…"

Fasal agama dan ibadah dalam pembentukan masyarakat bermoral

Peruntukan berkaitan kesalahan agama dan ibadah menunjukkan bahawa HKP turut membentuk struktur sosial melalui pengawalan akidah, ibadah dan moral awam. Hal ini bermaksud agama tidak dipisahkan daripada urusan kemasyarakatan apabila persoalan seperti murtad, meninggalkan solat, saksi, sumpah dan jihad dimasukkan ke dalam naskhah undang-undang. Sebaliknya, agama menjadi asas kepada legitimasi sosial dan hukum. Contohnya HKP menjelaskan:

> "…peri hukum segala orang yang murtad apabila seorang Islam murtad disuruh taubat tiga kali, dan jika tiada ia mau taubat dibunuh hukumnya jangan dimandikan dan jangan disembahyangkan dan jangan ditanamkan secara Islam"

> "…peri pada menyatakan hukum orang yang sembahyang atas dua perkara, terhukum meninggalkan dan tiada iktiqadnya pada fardhu sembahyang didalam iktiqadnya bahawa sembahyang fardhu, suruh sembahyang jika tiada sembahyang oleh kesakitan tiada ia munkir disuruh taubat seperti menyuruh taubat orang yang murtad itu juga dengan tiga kali. Jika sembahyang baik pada halnya itu jika tiada mahu sembahyang dibunuh hukumnya tetapi hukum Islam matinya dan hartanya tiada harus dibinasakan dan kuburnya dapat jua serta Islam…"

> "…peri pada menyatakan hukum orang yang menuntuti seorang orang kepada seorang orang jika tiada saksinya daripada yang menuntut dan jika munkir yang dituntut ia bersumpah ia daripada tuntut itu dan jika tiada mau bersumpah diberi haknya maka kembali sumpah itu kepada yang menuntut bersumpah…"

> "…peri pada menyatakan hukum perang sabil dengan janji hendaklah ada tujuh syarat pertama Islam dan baligh dan berbudi, laki-laki, sihat dan kuasa akan perang dan apabila kafir ditawan hukumnya dua perkara seperkara kerana menjadi hamba

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

> dengan tawanan, segala kanak-kanak dan segala perempuan. Seperti kafir tidak menjadi hamba tawanan itu segala laki-laki yang baligh bermula mereka memilih antara mereka itu dalam empat perkara dibunuh atau diperhamba atau dilepaskan atau dipinta harta dilepaskan yang kebajikan dikerjakan …"

Kesannya, masyarakat Melayu yang dibentuk melalui HKP ialah masyarakat yang menilai kedudukan sosial seseorang bukan hanya daripada status politik atau ekonomi malahan dinilai berdasarkan kepatuhan terhadap agama. Golongan agama dan pakar-pakar dalam hukum syarak memperolehi kedudukan yang penting sebagai pentafsir dan sumber rujukan dalam hal ehwal agama. Menurut Siti Zahrah (2025), struktur sosial Melayu tradisional sememangnya menempatkan ulama dan institusi agama sebagai komponen penting di samping istana dan pembesar. Ini memandangkan golongan yang diperintah bukan sahaja pelengkap kepada golongan pemerintah namun mereka merupakan aset yang bernilai dalam mengawal keseimbangan dan kestabilan sosial.

Fasal kekeluargaan sebagai asas pembentukan unit sosial

HKP turut memberi penumpuan kepada institusi keluarga sebagai asas masyarakat. Aspek ini sangat signifikan kerana keluarga ialah unit asas perkembangan sosial, pembentukan nilai, pewarisan, status dan tanggungjawab. Nor Dalilah (2023) menyatakan bahawa dengan adanya peraturan keluarga dan rumahtangga, masyarakat Melayu perlu memahami bahawa hubungan suami isteri, perkahwinan dan tanggungjawab tidak terlepas daripada kerangka hukum. HKP menerangkan:

> "…peri pada menyatakan hukum segala orang yang mengambil anak hamba orang terbuang oleh ibunya. Adapun barangsiapa mengambil dia hendaklah memberitahu tuannya, jikalau sudah dengan izin tuannya maka hendaklah dipersaksikannya…"

> "…Bermula bagi bapa dan neneknya mengambil pemberian daripada anak cucunya dan dapat selama ada benda yang diberinya pada tangan yang diberinya, dan jika bertukar benda itu tiada dapat diambilnya oleh bapanya dan neneknya…"

Dari sudut struktur sosial, HKP telah membentuk satu hubungan antara raja dan rakyat serta hubungan dalam unit mikro masyarakat. Pemantauan terhadap institusi keluarga dapat membantu menstabilkan masyarakat secara keseluruhan kerana keluarga yang teratur menjadi asas kepada kesinambungan adat dan agama. Oleh sebab itu, peruntukan terhadap fasal keluarga penting untuk menunjukkan bahawa struktur sosial masyarakat Melayu dibina dari hierarki paling atas iaitu melalui institusi raja dan hierarki dari bawah iaitu melalui institusi keluarga. Institusi keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan struktur sosial masyarakat Melayu. Peruntukan berkaitan kekeluargaan dalam HKP menunjukkan bahawa keluarga merupakan unit asas dalam masyarakat yang perlu dikawal dan diatur melalui undang-undang. Ini memperkukuhkan lagi kestabilan sosial kerana struktur keluarga yang teratur menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang harmoni. Contohnya HKP menjelaskan :

> "…Adapun syarat tempat itu sekira-kira tiada lepas daripadanya nama adab akan yang membawa keaifan itu, maka hendaklah kamu sekalian jikalau bertemu dengan orang yang membawa isterinya hendaklah kamu sekalian menyimpang jauh, jikalau jalan itu sempit berbalik kamu…"

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

Integrasi adat dan syariah sebagai teras struktur sosial

Salah satu dapatan daripada penelitian terhadap fasal-fasal HKP ialah wujudnya integrasi yang jelas antara adat Melayu dan syariah. Naskhah ini mengukuhkan keutamaan adat Melayu yang mengasimilasikan undang-undang Islam. Integrasi ini menghasilkan satu struktur sosial yang bersifat tempatan dari segi budaya dan Islamik dari segi prinsip.

HKP turut membentuk struktur sosial berasaskan nilai agama melalui peruntukan berkaitan ibadah dan kesalahan agama. Penggabungan prinsip syariah dalam undang-undang tersebut menunjukkan bahawa agama Islam menjadi asas penting dalam menentukan norma sosial masyarakat Melayu. Ini menunjukkan bahawa struktur sosial masyarakat dinilai berdasarkan tahap pematuhan terhadap nilai-nilai agama. HKP menerangkan :

> "…Adapun barangsiapa melalui firman Allah Taala dan sabda Rasulullah SAW barangsiapa menolak atau melebih sekahendaknya dosanya didera seperti emas atau perak berlaku. Itupun demikian sebenar-benarnya timah seratus daripadanya, jika datang sakit seribu seratus laksa sekaliannya tiada lebih daripada bilangan ini. Barangsiapa tiada menurut dia hukumnya mati, rumahtangganya masuk bendahari…"

Keadaan ini penting dalam konteks masyarakat Melayu kerana struktur sosial yang lahir bukanlah model tradisi yang berkaitan dengan adat dan bukan juga sistem fiqh yang dipindahkan secara literal. Sebaliknya, HKP menunjukkan proses penyesuaian hukum kepada realiti tempatan. Raja diberi kedudukan tinggi sebagai pemerintah dan penjaga rakyat, pembesar diberi fungsi pentadbiran, masyarakat awam dikawal melalui jenayah dan muamalat, sementara agama menjadi asas moral. Inilah yang menjadikan HKP penting bukan sahaja sebagai naskhah perundangan tetapi menyumbang kepada pembentukan struktur sosial yang dinamik. HKP menjelaskan:

> "…bermula menitahkan hambanya sekalian Sultanal-Adil al-Kamil al-Badli Sultan Muazaffar Shah *Khaladahullaha Mulkahu wa Sultanahu wa Afadha ala al-Birr bi 'adlihi wa ihsanihi.* Dan melakukan hukum Allah dalam dunia pada segala hamba Allah yang *tasarruf* atas melakukan firman Allah Taala *al-Azim li amrillah wal Fiqh 'ala Khalqillah.* Demikianlah *amar bi al-makruf wa nahy an al-munkar.* Artinya hamba pun melakukan hukum Allah hendaklah akan kebajikan segala rakyat…"

> "…maka barangsiapa melalui firman Allah Taala dan sabda Rasulullah SAW atau menolak atau melebih atau berbuat munkar sebesar dosanya hendaklah dihukumkan, yang layak didera dan yang layak didenda dan yang layak dibunuh…"

HKP memperlihatkan integrasi yang kukuh antara adat Melayu dan syariah Islam dalam pembentukan struktur sosial masyarakat. Gabungan ini menghasilkan satu sistem sosial yang unik iaitu nilai budaya tempatan disesuaikan dengan prinsip agama. Hal ini menjadi asas kepada pembentukan identiti masyarakat Melayu tradisional yang bersifat Islamik tetapi tetap mengekalkan ciri-ciri adat tempatan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa HKP bukan hanya sebuah dokumen perundangan tetapi merupakan naskhah penting dalam membentuk struktur sosial masyarakat Melayu tradisional. Melalui analisis terhadap fasal-fasal undang-undang tersebut, dapat

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

dirumuskan bahawa HKP memainkan peranan dalam menginstitusikan hierarki sosial, mengawal tingkah laku masyarakat, menyusun fungsi ekonomi serta membentuk nilai moral dan keagamaan dalam masyarakat. Fasal-fasal dalam HKP menunjukkan bahawa manuskrip ini membentuk struktur sosial masyarakat Melayu melalui empat mekanisme utama iaitu menginstitusikan hierarki kuasa melalui fasal adat dan pemerintahan, mengawal tingkah laku sosial melalui fasal jenayah, menyusun hubungan ekonomi dan fungsi masyarakat melalui fasal muamalat serta perdagangan dan memupuk masyarakat yang berakhlak dan beragama melalui fasal ibadah, agama dan keluarga. Oleh itu, HKP boleh dianggap sebagai naskhah yang membina keseluruhan ekosistem sosial Melayu tradisional.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa struktur sosial masyarakat Melayu yang terbentuk melalui HKP adalah bersifat holistik yang melibatkan hubungan antara aspek politik, ekonomi, sosial dan agama. Integrasi antara adat Melayu dan syariah Islam dalam undang-undang tersebut telah menghasilkan satu sistem sosial yang stabil dan seimbang yang mampu mengekalkan keharmonian masyarakat dalam konteks pemerintahan Kesultanan Melayu.

Kajian ini turut menyumbang kepada pengembangan ilmu dalam bidang sejarah perundangan Melayu dengan memberikan penekanan terhadap dimensi sosial serta undang-undang. Kajian ini juga membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang boleh dilaksanakan secara lebih mendalam contohnya perbandingan antara HKP dengan teks undang-undang Melayu lain seperti Hukum Kanun Melaka atau Undang-Undang 99 Negeri Perak. Kesimpulannya, HKP merupakan sumber penting dalam memahami pembentukan struktur sosial masyarakat Melayu tradisional dan sewajarnya diberikan perhatian yang lebih terpeinci dalam kajian akademik berkaitan sejarah, perundangan dan tamadun Melayu.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

Rujukan

Ab. Jalil Borhan. (2014). Legasi Islam Di Pahang Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang. *Syarahan Umum Profesor Universiti Malaysia Pahang.* Dilayari daripada http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/5312/1/SYARAHAN_PROF_JALIL.pdf

Abdul Halim El-Muhammady & Asma Hakimah Ab. Halim. (2019). *Qanun Pahang Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyudiin Shah (1592-1614 M).* Penerbit UKM.

Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Awang Azman Awang Pawi. (2022). Manuskrip Hukum Kanun Pahang: antara kepentingan dan kritikan sarjana kolonial. *Jurnal Melayu Sedunia. 5* (1), 89-99.

Amin Ridzuan Ishak. (2015). Batu nisan bukti Pahang negeri terawal terima Islam. *Berita Harian Online.*

Badli Shah Alauddin. (2024). Proses islamisasi di Pahang. https://www.researchgate.net/publication/385558838_Proses_Islamisasi_di_Pahang)

Mohamad Hafifi Hassim, Ahmad Murshidi Mustapa & Abdul Hakim Baharuddin. (2019). Sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia: sorotan terhadap sistem kehakiman Islam di negeri Melaka. *Journal of Muwafaqat 2* (2), 59-72.

Muhammad Nazirul Mohd Sabri. (2025). Analisis Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dari perspektif syariah. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*. *3* (2), 124-134.

Nazri Muslim, Amaal Fadhlini Mohamed & Ahmad Firdhaus Arham. (2024). From the past to the present: The enduring impact of Hukum Kanun Pahang (Pahang Laws) in Malaysian society. *Humanities and Social Sciences Communications. 11* (1), 1-6.

Nor Dalilah Zakaria, Raihanah Azahari & Bahiyah Ahmad. (2023). Elemen kebertanggungjawaban rumah tangga menurut perspektif Islam. *Jurnal Fiqh. 20* (2), 165-210.

Nur Mohd Iqzuan Samsudin, Nur Fatin Izzati Ahmad Shukri, Marina Abdul Manap, Fathin Shahirah Abd Rahim, Nur Rabiatul Adawiah Abdul Rahman, Zuraidah Hassan & Abd Aziz A'zmi. (2025). Perkembangan peranan pembesar di Pahang: Tinjauan awal melalui pendekatan pensejarahan perundangan. *AJEHH: Asian Journal of Environment, History and Heritage, 9* (2), 183-196.

Rohayu Mat Rani. (2013). *Sifat dan peranan raja dan pembesar dalam naskhah Hukum Kanun Pahang.* Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

Salihahs Razak & Arba'ie Sujud. (2016). Penerapan undang-undang adat terhadap kesalahan sahsiah pada zaman kesultanan Melayu. *EDUCATUM – Journal of Social Science. 2*, 16-30.

Shakila Ahmad, Hussain Othman, Rafiuddin Afkari, Mikdar Rusdi & Mohd Hisyam Abdul Rahim. (2018). Tinjauan terhadap cabaran semasa tulisan jawi sebagai warisan masyarakat peradaban bangsa Melayu. *Journal of Techno Social. 10* (1), 57-62.

Siti Nurul Izza Binti Hashim, Roziah Binti Sidik @ Mat Sidek, & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. (2021). Tulisan jawi pelopor keilmuan di alam Melayu: Satu kajian awal. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*. *32*(2), 19–34.

Siti Zahrah Mahfood & Nurulasyikin Hassan. (2025). Interpretasi Sejarah Melayu: Representasi peranan golongan diperintah dalam pemerintahan kesultanan Melayu Melaka. *Malay Literature, 38*(1), 115–144.

Suhadan Anwar. (2017). *Kawalan Sosial Beraja Dalam Naskhah Historiografi Melayu*. Tesis Sarjana Sastera Universiti Putra Malaysia

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1242-1265
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118786

Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Husain. (2023). Analisis Hukum Kanun Pahang dari aspek ciri perlembagaan moden. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences. 6* (4), 220-233.

Yaakub Isa (ed.). (2003). *Hukum Kanun Pahang: Manuskrip Agung Negeri Pahang.* Lembaga Muzium Negeri Pahang.

Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin. (2012). Islam asas pembentukan jati diri bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition.* 129-141.

Penghargaan

Para pengkaji mengucapkan terima kasih kepada pihak Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM) yang telah meluluskan Geran Penyelidikan Institut Ilmu Darul Makmur dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP) 2025 dengan nombor rujukan IIDM 20/25.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0